



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

SEMPENA

**MAJLIS PELUNCURAN DASAR KASIH KELUARGA NEGARA
& JELAJAH SEJAHTERA MADANI - SKIM INSURANS KESEJAHTERAAN RAKYAT
(SIKR)**

LOKASI / TARIKH / MASA

**INSTITUT LATIHAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA SULTAN
AZLAN SHAH, PERAK / 14 FEBRUARI 2026 (SABTU) / 9.30 PAGI**

Dikemas kini pada 12 Februari 2026

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera,

Salam Malaysia MADANI,

Terima kasih kepada Pengacara Majlis & Pembaca Doa

1. Alhamdullilah, segala puji bagi Allah SWT, kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama dalam **Majlis Peluncuran Dasar KASIH Keluarga Negara (DKKN)** dan **Jelajah Sejahtera MADANI – Skim Insurans Kesejahteraan Rakyat (SIKR)**.

2. Penggabungan dua inisiatif antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU JPM) ini menggambarkan semangat kebersamaan dalam penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat dengan lebih tersusun, bersepadu dan berkesan.

3. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim kerana sudi bersama-sama kami pada hari ini. Sesungguhnya kehadiran YAB Perdana Menteri pada hari ini telah membakar semangat warga kementerian kami untuk meneruskan usaha dalam memperkukuhkan institusi keluarga sebagai asas kepada Malaysia MADANI.

Hadirin yang saya muliakan,

4. Keluarga ialah unit asas negara. Jika keluarga kukuh, masyarakat stabil. Jika keluarga rapuh, negara turut terkesan. Justeru, DKKN digubal sebagai kerangka dasar yang komprehensif untuk memastikan kesejahteraan keluarga sentiasa menjadi keutamaan pembangunan negara terutamanya dalam era yang penuh dengan perubahan sosioekonomi dan transformasi digital.

5. Dasar ini menggunakan pendekatan kitaran hayat — daripada praperkahwinan, pembentukan keluarga, keibubapaan sehinggalah ke fasa warga emas — supaya setiap peringkat kehidupan diberi perhatian yang sewajarnya.

6. Bagi memastikan pelaksanaannya jelas dan berfokus, **Pelan Tindakan Keluarga Negara 2026–2030** atau **PTKN** telah dirangka dengan tanggungjawab yang ditetapkan kepada kementerian, agensi, sektor swasta, NGO dan masyarakat.

7. DKKN digerakkan melalui lima (5) teras strategik iaitu **Memartabatkan Institusi Perkahwinan Dan Kekeluargaan; Memperkasakan Keupayaan Perancangan Keluarga; Meningkatkan Kemampuan Dan Kualiti Keibubapaan; Menyokong Pemerkasaan Keluarga Secara Inklusif dan Menambahbaik Pengurusan Konflik Keluarga.** Selain itu, DKKN juga mempunyai 16 strategi, 3 mekanisme pemudah cara, serta 43 tindakan bersepadu yang diselaraskan bagi memperkukuh institusi keluarga di Malaysia.

8. Justeru, DKKN dan PTKN 2026–2030 dirangka berasaskan analisis menyeluruh terhadap trend makro yang memberi kesan langsung kepada kestabilan institusi keluarga. Kadar kelahiran Malaysia kini berada pada tahap 1.7 anak, jauh di bawah paras penggantian, manakala negara dijangka mencapai status negara tua menjelang 2033. Perubahan struktur umur ini memberi implikasi besar kepada tenaga kerja masa hadapan, sistem sokongan antara generasi serta keupayaan negara mengekalkan daya tahan sosial dan ekonomi.

9. Pada masa yang sama, keluarga berdepan tekanan kos sara hidup, peningkatan kadar perceraian, perubahan gaya hidup serta cabaran dunia digital dan perubahan iklim. Semua ini memberi kesan langsung kepada kestabilan emosi, kesejahteraan kewangan dan keharmonian institusi keluarga. Justeru, dasar ini bukan sekadar respons kepada statistik, tetapi satu komitmen untuk memastikan keluarga Malaysia terus kukuh, berdaya tahan dan dilindungi dalam menghadapi cabaran masa depan.

Hadirin yang saya muliakan,

10. Kerajaan percaya bahawa pembangunan tidak boleh diukur melalui angka ekonomi semata-mata. Kesejahteraan rakyat perlu dilindungi, terutamanya ketika mereka berhadapan musibah. Melalui Jelajah Sejahtera MADANI dan pelaksanaan Skim Insurans Kesejahteraan Rakyat (SIKR), kerajaan memperluas perlindungan sosial agar rakyat tidak dibiarkan bersendirian ketika berdepan cabaran hidup.

11. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri atas kesudian bersama-sama kita pada hari ini serta sokongan berterusan terhadap agenda pengukuhan institusi keluarga negara.
12. Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada semua kementerian, jabatan, agensi, rakan strategik dan badan bukan kerajaan yang telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam pembangunan DKKN.

13. Semoga matlamat “Memperkasakan Keluarga untuk Kestabilan Sosial” yang menjadi mantera DKKN akan tercapai hasil sokongan padu dan kerjasama semua pihak.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
14 FEBRUARI 2026